

0547

U 8739 DEB  
MAHATHIR - PELADANG

KUALA LUMPUR, 6 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI PARA PELADANG DAN PETANI SUPAYA MEMPELAJARI CARA-CARA BARU DENGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN BAGI MENINGKATKAN HASIL PENGELUARAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, TANPA MENGGUNAKAN CARA-CARA BARU, PARA PETANI DAN NELAYAN AKAN MENDAPATI BAHAWA BIDANG-BIDANG ITU MENJADI PEKERJAAN SIA-SIA YANG TIDAK SETIMPAL DENGAN PERBELANJAAN YANG DIKELUARKAN.

+TEKNOLOGI SEDANG MENGEJAR KITA DAN SEKIRANYA KITA TIDAK LARI BERSAMA-SAMANYA, KITA AKAN MENGHADAPI KEMUSNAHAN ATAU HILANG DARI MUKA BUMI INI,+ TAMBAH BELIAU KETIKA MERASMIKAN HARI PELADANG DAN NELAYAN KEBANGSAAN 1986 DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MELALUI PENGGUNAAN CARA MODEN UNTUK BERLADANG DAN MENANGKAP IKAN, SEBILANGAN KECIL SAHAJA RAKYAT PERLU KEKAL MENJADI PELADANG DAN NELAYAN.

MEREKA YANG KEKAL SEBAGAI NELAYAN DAN PETANI HENDAKLAH CUBA MENYESUAIKAN TEKNOLOGI MODEN DARI LUAR SUPAYA PENGGUNAANNYA DAPAT MEMBERI KEUNTUNGAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI  
2033MST 06 08 86

0553

U 8742 DEB  
MAHATHIR - PELADANG 2 KUALA LUMPUR

+KITA BOLEH MENGAKU KALAH DAN MENYERAH KEPADA NASIB TETAPI JIKA KITA BERBUAT DEMIKIAN, NASIB KITA TIDAK AKAN BERUBAH MALAHAN BERTAMBAH BURUK,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU MENEGASKAN BANYAK ORANG BERKATA BAHAWA MENANGKAP IKAN SECARA MODEN TIDAK SESUAI TETAPI SEBALIKNYA NELAYAN ASING YANG MENGGUNAKAN CARA MODEN MENGAUT HASIL YANG LUMAYAN DARI PERAIRAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA INI MENUNJUKKAN BAHAWA SESUATU CARA BARU YANG DIRASAI TIDAK SESUAI SEBENARNYA AKAN SESUAI JUGA LAMBAT-LAUN JIKA DIAMALKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUATU MASA DAHULU APABILA KERAJAAN MELAKSANAKAN PROJEK PENGAIRAN MUDA, ORANG MENYALAHKAN PROJEK ITU APABILA TIKUS YANG LEBIH BESAR DARIPADA KUCING MEMBIAK PADA BATAS-BATAS TALI AIR. -- LAGI  
2059MST 06 08 86

0555

U 8743 DEB  
MAHATHIR - PELADANG 3 KUALA LUMPUR

+TETAPI SEKARANG PETANI DI KAWASAN ITU MEMPEROLEH PENDAPATAN YANG LEBIH TINGGI DARIPADA PETANI YANG MENANAM PADI SEKALI SETAHUN,+ TAMBAH DATUK SER DR MAHATHIR.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENINGGAT BAHAWA TEKNOLOGI SAHAJA TIDAK DAPAT MENJAMIN PENGELUARAN YANG TINGGI JIKA TIDAK DISERTAI DENGAN SEMANGAT DAN DISIPLIN BEKERJA.

DALAM PADA ITU, PERDANA MENTERI JUGA MENGGESA PARA PETANI BERUSAHA MENINGKATKAN PENGELUARAN SECARA MENGUNTINGKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN HADIAH PELADANG TERBAIK 1986 KEPADA ENCIK ABU BAKAR BOYADI DARI SEREMBAN. HADIAH BERUPA SEBUAH JAM MEJA, WANG TUNAI \$800 DAN TIKET PENERBANGAN MAS KE KOTA KINABALU.

BELIAU JUGA MELAWAT KE EXPO PERTANIAN AGASIA YANG DIADAKAN DI TINGKAT TIGA BANGUNAN PWTC. -- BERNAMA  
2107MST 06 08 86